



# **REKABENTUK MANUAL IDENTITI KORPORAT**

Ditulis oleh :

AZMAN BIN AZIZ

DITERBITKAN OLEH  
**POLITEKNIK IBRAHIM SULTAN,**  
KM 10, JALAN KONG KONG,  
81700 PASIR GUDANG, JOHOR DARUL TAKZIM.

TEL : 607-2612488 FAKS : 607-2612402

[www.pis.edu.my](http://www.pis.edu.my)

COPYRIGHT © POLITEKNIK IBRAHIM SULTAN 2020

CETAKAN PERTAMA 2020

ISBN :

HAKCIPTA TERPELIHARA  
MANA-MANA BAHAGIAN PENERBITAN INI TIDAK BOLEH DITERBITKAN SEMULA, DISIMPAN DALAM SISTEM KEKAL ATAU DIPINDAHKAN DALAM SEBARANG BENTUK ATAU SEBARANG CARA SAMADA SECARA ELEKTRONIK FOTOKOPI, RAKAMAN DAN SEBAGAINYA SEBELUM MENDAPAT IZIN BERTULIS DARIPADA PENERBIT.

PENULIS & PEREKABENTUK  
AZMAN BIN AZIZ

# ISIKANDUNGAN

|                                    |    |
|------------------------------------|----|
| Prakata                            | i  |
| Sinopsis                           | i  |
| <b>BAHAGIAN 1</b>                  |    |
| 1.1 Pengenalan                     | 2  |
| 1.2 Profil Syarikat                | 3  |
| 1.3 Objektif, Visi & Misi          | 4  |
| 1.4 Pembinaan Logo Baru            | 5  |
| <b>BAHAGIAN 2</b>                  |    |
| 2.1 Logo Asal & Logo Baru          | 8  |
| 2.2 Slogan / 'Tag Line'            | 9  |
| 2.3 Grid & Keseimbangan Logo       | 10 |
| 2.4 Rasional Bentuk Logo           | 11 |
| 2.5 Rasional Warna Logo            | 12 |
| <b>BAHAGIAN 3</b>                  |    |
| 3.1 Warna CMYK                     | 14 |
| 3.2 Pembalikan Warna CMYK          | 15 |
| 3.3 Warna Hitam & Putih            | 16 |
| 3.4 Pembalikan Warna Hitam & Putih | 17 |
| 3.5 Warna Kelabu                   | 18 |
| 3.6 Pembalikan Warna Kelabu        | 19 |
| 3.7 Warna Pantone                  | 20 |
| 3.8 Pembalikan Warna Pantone       | 21 |
| 3.9 Kawalan Warna Latarbelakang    | 22 |

|  |    |
|--|----|
| <b>BAHAGIAN 4</b>                          |    |
| 4.1 Skala & Saiz Logo                      | 26 |
| 4.2 Tipografi Korporat                     | 32 |
| 4.3 Ruang Jelas Logo                       | 34 |
| 4.4 Kongfigurasi Logo                      | 36 |
| 4.5 Kawalan Logo Pada Imej                 | 39 |
| 4.6 Kawalan Logo Pada 'Watermark'          | 41 |
| <b>BAHAGIAN 5</b>                          |    |
| 5.1 Kad Perniagaan                         | 44 |
| 5.2 Kepala Surat                           | 45 |
| 5.3 Sampul Surat ( Biasa )                 | 46 |
| 5.3 Sampul Surat ( Tingkap )               | 47 |
| 5.3 Sampul Surat ( Sulit )                 | 48 |
| 5.4 Resit ( Salinan Pelanggan )            | 49 |
| 5.4 Resit ( Salinan Pejabat & Buku Lejer ) | 50 |
| 5.5 Memo Pad                               | 51 |
| 5.6 Lain-lain Barang                       | 52 |

|                  |    |
|------------------|----|
| RUJUKAN          | 53 |
| BIOGRAFI PENULIS | 54 |

**REKABENTUK  
MANUAL  
IDENTITI KORPORAT**

## PRAKATA

Alhamdulillahirabbil'aalamin, segala puja dan puji syukur saya panjatkan kepada Allah Yang Maha Penyayang. Tanpa kurnia-Nya, mustahillah naskah buku ini dapat selesaikan pada waktu yang agak sibuk dengan tugas dan kewajiban lain.

Saya benar-benar merasa terpanggil untuk mewujudkan naskah buku ini sebagai satu alat yang dapat membantu bakal pereka grafik khasnya pelajar-pelajar IPT. Buku ini ditulis berdasarkan keinginan saya yang ingin melihat pelajar yang mengikuti program atau kursus Seni Reka Bentuk Grafik lebih memahami asas Rekabentuk Identiti Korporat dengan lebih mendalam. Pada kebiasaan saya dapat, pelajar agak keliru dalam menepati tema dan kriteria-kriteria yang diperlukan dalam pembuatan Manual Identiti Korporat bagi sesuatu logo. Berdasarkan kondisi tersebut, saya berusaha menyusun buku ini dengan memuat beberapa asas penting bagi merekabentuk sebuah logo atau symbol.

Selesainya buku ini juga tidak terlepas dari bantuan beberapa pihak, justeru itu, saya mengucapkan terima kasih kepada Politeknik Ibrahim Sultan, Johor dan Politeknik Muadzam Shah, Pahang kerana memberi dorongan kepada saya untuk menyiapkan naskah ini. Dengan kepercayaan tersebut, saya berkeyakinan naskah ini dapat mendorong saya untuk meningkatkan kualiti diri dan karya untuk waktu yang akan datang.

## SINOPSIS

Buku manual ini merupakan garis panduan untuk memulakan pembuatan Rekabentuk Identiti Korporat bagi sesebuah syarikat atau organisasi. Penciptaan sesebuah logo yang mendatangkan kesan kepada pengguna adalah penciptaan yang mempunyai asas yang kukuh dan konsep yang bersesuaian. Ia bukan sahaja memudahkan penyampaian isi pelajaran malah ia juga dapat membantu pensyarah melaksanakan P&P secara lebih jelas.

Buku ini sangat bersesuaian dengan pelajar yang ingin mendalami Rekabentuk Identiti Korporat samada di tahap asas mahupun pelajar yang akan melalui Projek Major Identiti Korporat. Dengan bantuan perisian Adobe Illustrator, Adobe InDesign dan Adobe Photoshop, bahan pengajaran akan menjadi lebih menarik dan kreatif.

# Bahagian 1

## 1.1 Pengenalan

Dokumen ini adalah rujukan bagi semua piawaian rekabentuk dan garis panduan bagi identiti jenama syarikat. Ia adalah pangkalan data yang komprehensif yang mempunyai kaitan dengan templet dan mendokumentasikan bahasa visual dengan sempurna.

Manual korporat identiti ini juga berperanan untuk melaksanakan pemikiran kreatif sambil mengekalkan rekabentuk di landasan yang betul dengan jenama syarikat.



Mana-mana logo, ikon, simbol-simbol, ilustrasi maupun gambar yang sedia ada di luar, anda dapatti ada di dalam buku, ini adalah hanya bertujuan untuk pembelajaran sahaja.

LOGO ASAL

## 1.2 Profil Syarikat

|               |   |
|---------------|---|
| Nama Syarikat | : CMYK SOLUTION SDN. BHD.   |
| Nama Pemilik  | : MOHD RAZALI BIN ABD. RAHIM  |
| E-mel         | : cmyk_solution@gmail.com   |
| No Telefon    | : +6011-28716636  |
| Perkhidmatan  | : Menyediakan perkhidmatan rekabentuk grafik dan percetakan.  |
| Alamat        | : Lot 2/1, Pusat Perdagangan Pontian,<br>Jalan Delima , Pusat Perdagangan Pontian,<br>82000 Pontian, Johor. |



Kandungan di atas perlu diisi bagi memudahkan dan mengenalpasti keperluan pereka adalah sejajar dengan produk ataupun perkhidmatan yang ditawarkan di organisasi yang terpilih.



Mana-mana logo, ikon, simbol-simbol, ilustrasi mahupun gambar yang sedia ada di luar, anda dapatkan ada di dalam buku, ini adalah hanya bertujuan untuk pembelajaran sahaja.

GAMBAR PRODUK / SERVIS

## 1.3 Objektif, Visi & Misi

### Objektif :

- Membekalkan PERKHIDMATAN & SERVIS berkualiti dengan menerapkan pelbagai teknik PEMASARAN YANG EFEKTIF bagi mencapai tahap kepuasan pelanggan yang maksimum.
- Sentiasa PEKA terhadap perubahan yang berlaku agar mutu yang diberikan dapat dipertingkatkan dan seiring dengan keperluan semasa. KONSISTEN dalam penghasilan produk supaya produk dapat disalurkan kepada pelanggan tanpa sebarang halangan dan menepati masa.
- Sentiasa MENGUTAMAKAN KUALITI PRODUK yang dikeluarkan kepada pelanggan.

### Visi :

Membantu menyelesaikan permasalahan pelanggan dengan memberikan servis yang terbaik dalam bidang PERCETAKAN & PENGIKLANAN.

### Misi :


Untuk menjadi sebuah syarikat pembekal TERKEMUKA & TERBESAR bermula TAHUN 2025 di dalam bidang PERCETAKAN & PENGIKLANAN.



Kandungan di atas perlu diisi bagi memudahkan dan mengenalpasti keperluan pereka adalah sejajar dengan produk ataupun perkhidmatan yang ditawarkan di organisasi yang terpilih.



Mana-mana logo, ikon, simbol-simbol, ilustrasi maupun gambar yang sedia ada di luar, anda dapatti ada di dalam buku, ini adalah hanya bertujuan untuk pembelajaran sahaja.




GAMBAR AKTIVITI ORGANISASI


## 1.4 Pembinaan Logo Baru

Pembinaan logo baru ini, ingin menunjukkan kreativiti dan kemahiran pereka dalam melaksanakan pembinaan simbol dan logo taip yang baru bagi sesuatu syarikat ataupun jenama.

Pembinaan logo ini akan menonjolkan pemikiran pereka yang kritis dalam mencari idea untuk pembinaan rekaan yang baru yang mana idea serta konsep diperolehi dari sumber-sumber yang meyakinkan pihak syarikat mahupun bakal pelanggan.



PEMBINAAN LOGO BARU  
& GARISAN PANDUAN



PEMBINAAN LOGO BARU  
& GARISAN PANDUAN

# Bahagian 2

**CMYK  
SOLUTION**

LOGO ASAL



**CMYK SOLUTION**

LOGO BARU

## 2.2 Slogan / ‘Tag Line’

### Slogan / ‘Tag Line’ (Kata Kunci)

Keutamaan pada slogan ini adalah untuk digunakan dalam iklan seperti ayat jenaka ataupun ‘punchline’.

Slogan juga membawa maksud frasa pendek yang menarik dan berkesan untuk digunakan dalam pengiklanan atau promosi.

“Permintaan PELANGGAN  
adalah KEUTAMAAN kami.”



Kandungan di atas perlu diisi bagi memudahkan dan mengenalpasti keperluan pereka adalah sejajar dengan produk ataupun perkhidmatan yang ditawarkan di organisasi yang terpilih.



Mana-mana logo, ikon, simbol-simbol, ilustrasi mahupun gambar yang sedia ada di luar, anda dapatkan ada di dalam buku, ini adalah hanya bertujuan untuk pembelajaran sahaja.


## 2.3 Grid & Keseimbangan Logo

Salah satu faktor yang mempengaruhi sesuatu rekabentuk adalah rekaletak yang baik. Jika rekaletaknya tersusun dengan rapi dan sempurna, maka audian akan merasa lebih selesa dan tertarik melihatnya.

Antara langkah yang perlu dititikberatkan adalah sistem grid. Sistem grid merupakan satu kerangka yang membantu pereka grafik untuk membentuk sesuatu rekaan yang konsisten, bermakna dan logik. Sistem grid ini juga dibuat adalah untuk memudahkan pereka dalam pengendalian pembesaran dan pengecilan yang akan dilakukan pada sesuatu rekabentuk. Oleh yang demikian, bagi rekaan yang pertama digalakkan kepada pereka untuk merekabentuk logo dengan grid 1cm atau 10mm.

Ilustrasi yang ditunjukkan di sini adalah rujukan utama dan muktamad bagi sebarang ketidakpastian berkenaan penggunaan logo. Untuk memastikan logo yang digunakan sentiasa seragam dan jelas, penggunaan grid adalah disarankan sebagai panduan teknikal bagi pembentukan dan rekaletak logo.

Sebarang pembesaran atau pengecilan hendaklah dipastikan agar tidak digunakan secara berasingan bagi mengelakkan ketidakseragaman.




## 2.4 Rasional Bentuk Logo

Bentuk kotak dan huruf ‘C’ (*Care*) membawa maksud syarikat mengambil berat dan bertanggungjawab keatas kerja-kerja yang diberi bagi menghasilkan dapatan pengeluaran yang terbaik.

Bentuk kotak dan huruf ‘M’ (*Manage*) membawa maksud syarikat berupaya mengurus segala tempahan dari pelanggan dan menyiapkan dengan kadar masa yang singkat.

Bentuk kotak dan huruf ‘Y’ (*Yearn*) membawa maksud pelanggan yang berkeinginan tinggi untuk mendapatkan hasil cetakan yang terbaik dan harga yang berpatutan.

Bentuk kotak dan huruf ‘K’ (*Knowledge*) membawa maksud kakitangan syarikat yang sentiasa ingin meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang percetakan bagi mengekalkan kualiti terbaik hasil-hasil keluaran.



Kandungan di atas perlu diisi bagi memudahkan dan mengenalpasti keperluan pereka adalah sejajar dengan produk ataupun perkhidmatan yang ditawarkan di organisasi yang terpilih.



Mana-mana logo, ikon, simbol-simbol, ilustrasi mahupun gambar yang sedia ada di luar, anda dapatti ada di dalam buku, ini adalah hanya bertujuan untuk pembelajaran sahaja.

## 2.5 Rasional Warna Logo

Warna Biru (**CYAN**) melambangkan Tenang, autoriti, kesetiaan, keyakinan, kejayaan dan boleh dipercayai.

Warna Merah (**MAGENTA**) melambangkan bersemangat, berkuasa, agresif, ekstrem dan ghairah. Warna merah boleh menambahkan keseronokan kepada jenama perniagaan.

Warna Kuning (**YELLOW**) melambangkan matahari dalam setiap masyarakat. Warna kuning merupakan lambang komunikasi, keyakinan, positivisme, cahaya dan kehangatan. Warna ini juga seolah-olah untuk memberi motivasi dan merangsang pemikiran.

Warna Hitam (**BLACK**) melambangkan Kuasa dan elegan. Sesuai untuk produk premium, mewah dan ‘misteri’.



# CMYK SOLUTION

Kandungan di atas perlu diisi bagi memudahkan dan mengenalpasti keperluan pereka adalah sejajar dengan produk ataupun perkhidmatan yang ditawarkan di organisasi yang terpilih.

LOGO BARU

# Bahagian 3

### 3.1 Warna CMYK

Warna CMYK merupakan komponen penting dalam sesuatu rekaan logo. Komponen ini menjadi dasar dalam membentuk warna-warna lain.

Sebelum membuat sesuatu rekaan, pereka harus menentukan terlebih dahulu warna yang akan dicetak mengikut kesesuaian mesin cetak.



**CMYK SOLUTION**



C :100  
M :0  
Y :0  
K :0



C :0  
M :100  
Y :0  
K :0



C :0  
M :0  
Y :100  
K :0



C :0  
M :0  
Y :0  
K :100

### 3.2 Pembalikan Warna CMYK

Pembalikan warna CMYK merupakan suatu perubahan warna yang ada pada logo bilamana warna yang ada pada logo juga digunakan sebagai warna latarbelakang.

Apabila perkara ini berlaku, warna yang ada pada logo akan ditukarkan kepada warna putih.



### 3.3 Warna Hitam & Putih

Logo berwarna hitam diletakkan di atas permukaan latarbelakang yang berwarna putih.

Gunakan logo berwarna hitam terhadap latarbelakang berwarna putih atau berwarna terang, atau latarbelakang fotografi yang terang, selagi terdapat kontras yang mencukupi ( kurang daripada 30% hitam atau setara ).



**CMYK SOLUTION**



C :0  
M :0  
Y :0  
K :100

C :0  
M :0  
Y :0  
K :0

### 3.4 Pembalikan Warna Hitam & Putih

Logo berwarna putih diletakkan di atas permukaan latarbelakang yang berwarna hitam.

Gunakan logo 1-warna ( sebaliknya ) putih terhadap latarbelakang berwarna hitam atau gelap, atau latarbelakang fotografi gelap, tanpa sempadan, selagi ada kontras yang mencukupi ( sekurang-kurangnya 70% hitam atau bersamaan ).



C :0  
M :0  
Y :0  
K :0

C :0  
M :0  
Y :0  
K :100

### 3.5 Warna Kelabu

Logo berwarna kelabu diletakkan di atas permukaan latarbelakang yang berwarna putih.



**CMYK SOLUTION**



C :0  
M :0  
Y :0  
K :60

C :0  
M :0  
Y :0  
K :80

C :0  
M :0  
Y :0  
K :40

C :0  
M :0  
Y :0  
K :100

### 3.6 Pembalikan Warna Kelabu

Logo berwarna kelabu diletakkan di atas permukaan latarbelakang yang berwarna hitam.



C :0  
M :0  
Y :0  
K :40

C :0  
M :0  
Y :0  
K :20


C :0  
M :0  
Y :0  
K :60

C :0  
M :0  
Y :0  
K :0

### 3.7 Warna Pantone

Warna *pantone* adalah kod warna yang mempunyai warna tertentu. Rumusan yang dihasilkan oleh pantone adalah ‘*Spot Color*’. Ini bermakna bahawa warna dicipta dari palet 18 warna asas, bukan dengan skrin atau titik.

Logo berwarna *pantone* diletakkan di atas permukaan latarbelakang yang berwarna putih.



CMYK SOLUTION

Pantone P Process Cyan C



CMYK SOLUTION

Pantone P Process Magenta C



CMYK SOLUTION

Pantone P Process Yellow C



CMYK SOLUTION

Pantone P Process Black C

### 3.8 Pembalikan Warna Pantone

Logo berwarna putih diletakkan di atas permukaan latarbelakang yang berwarna *pantone*.



### 3.9 Kawalan Warna Latarbelakang

Adalah penting bahawa logo kami sentiasa jelas dan mudah dibaca. Contoh-contoh yang disediakan menunjukkan cara menggunakan logo pada pelbagai latarbelakang. Matlamatnya adalah keserlahan dan keharmonian, jadi berhati-hati terhadap kontras dan tidak sepadan.


Warna yang berbeza (*Contrasting colors*) - dipisahkan antara satu sama lain dengan segmen warna lain daripada roda warna. Lebih jauh lagi, semakin banyak kontras.

Warna pelengkap (*Complementary colors*) - berada di sisi bertentangan dengan roda warna; masing-masing separuh daripada sepasang warna yang berbeza.

*Clash* - Getaran visual kadang kala disebabkan apabila sepasang warna pelengkap dicetak bersebelahan. Apabila diletakkan bersebelahan antara satu sama lain, warna-warna pelengkap saling menggiatkan dan menjadikan warna kelihatan lebih cerah.

Warna aksen (*Accent colors*) - warna yang digunakan untuk penekanan dalam skema warna. Warna-warna ini boleh berani atau jelas dan digunakan dengan berhati-hati, untuk menekankan, kontras atau mewujudkan irama.

Warna dominan (*Dominant color*) - warna yang menonjol berhubung dengan warna yang lain.



C : 0  
M : 50  
Y : 100  
K : 0

C : 85  
M : 10  
Y : 100  
K : 10

C : 100  
M : 18  
Y : 0  
K : 12

C : 100  
M : 0  
Y : 41  
K : 24



C : 50  
M : 100  
Y : 0  
K : 0

C : 25  
M : 25  
Y : 40  
K : 0

C : 14  
M : 39  
Y : 0  
K : 24

C : 0  
M : 52  
Y : 30  
K : 0



CMYK SOLUTION




CMYK SOLUTION



CMYK SOLUTION



CMYK SOLUTION



CMYK SOLUTION



CMYK SOLUTION



CMYK SOLUTION



CMYK SOLUTION


# Bahagian

## 4.1 Skala & Saiz Logo


Ilustrasi yang ditunjukkan di sini adalah maklumat tentang variasi saiz yang dibenarkan untuk sebarang pembesaran atau pengecilan logo. Saiz maksima dan minima logo tidak terhad dan juga bergantung kepada saiz aplikasi bahan yang hendak digunakan mengikut pengkadaran yang telah ditetapkan.

Pembesaran saiz logo hendaklah dibuat dalam kadar penambahan berskala 200%, manakala pengurangan berskala 50% adalah untuk kadar pengecilan saiz logo yang telah dibesarkan atau kepada saiz yang lebih kecil.

Untuk memastikan penggunaan logo yang seragam dan jelas, penggunaan pengkadaran yang mengikut skala hendaklah dijadikan sebagai panduan teknikal bagi pembentukan logo.




Skala 100% digunakan secara meluas untuk rekabentuk cetakan yang besar seperti papan iklan, papan tanda dan lain-lain. Skala ini juga boleh diperbesarkan lagi dengan mengikut saiz yang bersesuaian dengan mengikut proses pembesaran yang betul.




Skala 90% digunakan secara meluas untuk rekabentuk cetakan yang besar.




Skala 80% digunakan untuk rekabentuk cetakan sederhana seperti kain rentang, banting dan papan tanda.




Skala 70% digunakan untuk rekabentuk cetakan bersaiz sederhana atau sebagai elemen utama dalam cetakan saiz 42c m X 59cm (A2).




Skala 60% digunakan dalam rekabentuk cetakan sebagai elemen utama dalam cetakan saiz 42cm X 59cm (A2). Ia juga boleh digunakan untuk pelabelan pada pembungkusan bersaiz lebih besar atau beg kertas.




Skala 50% digunakan dalam rekabentuk cetakan sebagai elemen utama dalam cetakan saiz 29.7cm X 42cm (A3). Ia juga boleh digunakan untuk pelabelan pada pembungkusan bersaiz lebih besar dan sederhana.




Skala 40% digunakan dalam rekabentuk cetakan sebagai elemen utama dalam cetakan saiz 29.7cm X 42cm (A3). Ia juga boleh digunakan untuk pelabelan pada pembungkusan bersaiz lebih besar, sederhana dan kecil.




Skala 30% digunakan dalam rekabentuk cetakan sebagai elemen utama dalam cetakan saiz 21cm X 29.7cm (A4). Ia juga boleh digunakan untuk pelabelan pada pembungkusan bersaiz kecil



Skala 20% digunakan dalam rekabentuk cetakan sebagai elemen utama dalam cetakan saiz 21cm X 29.7cm (A4). Ia juga boleh digunakan untuk pelabelan pada pembungkusan bersaiz lebih kecil dan boleh digunakan pada alat tulis dan juga barang lain.



Skala 10% digunakan dalam rekabentuk cetakan alat tulis dan barang-barang berdasarkan rekabentuk yang bersesuaian.



## 4.2 Tipografi Korporat

Tipografi **TIMES NEW ROMAN** ini dipilih adalah untuk menguatkan lagi nama pada logo syarikat. Pemilihan ini disebabkan rupa bentuk tipografi ini mempunyai ciri-ciri tulisan serif serta ia juga dapat menonjolkan logo taip yang kemas dan formal.

ABCDEFGHIJKLMNOPQRSTUVWXYZ  
abcdefghijklmnopqrstuvwxyz  
1234567890  
~!@#\$%^&\*()\_+`-={}|[]\:;':<>?,./  
- Times New Roman - Regular

# CMYK SOLUTION

“Permintaan PELANGGAN  
adalah KEUTAMAAN kami.”

ABCDEFGHIJKLMNOPQRSTUVWXYZ  
abcdefghijklmnopqrstuvwxyz  
1234567890  
~!@#\$%^&\*()\_+`-={}|[]\:;':<>?,./  
- Times New Roman - Italic

ABCDEFGHIJKLMNOPQRSTUVWXYZ  
abcdefghijklmnopqrstuvwxyz  
1234567890  
~!@#\$%^&\*()\_+`-={}|[]\:;':<>?,./  
- Times New Roman - Bold

ABCDEFGHIJKLMNOPQRSTUVWXYZ  
abcdefghijklmnopqrstuvwxyz  
1234567890  
~!@#\$%^&\*()\_+`-={}|[]\:;':<>?,./  
- Times New Roman - Bold Italic

Tipografi **ARIAL** digunakan pada keseluruhan item korporat kerana ‘font’ ini dapat memberikan impak yang baik serta memberikan imej yang lebih kukuh.

ABCDEFGHIJKLMNOPQRSTUVWXYZ  
abcdefghijklmnopqrstuvwxyz  
1234567890  
~!@#\$%^&\*()\_+`-={}|[]\:;';<>?,./  
- Arial Regular

ABCDEFGHIJKLMNOPQRSTUVWXYZ  
abcdefghijklmnopqrstuvwxyz  
1234567890  
~!@#\$%^&\*()\_+`-={}|[]\:;';<>?,./  
- *Arial Italic*

ABCDEFGHIJKLMNOPQRSTUVWXYZ  
abcdefghijklmnopqrstuvwxyz  
1234567890  
~!@#\$%^&\*()\_+`-={}|[]\:;';<>?,./  
- **Arial Bold**

ABCDEFGHIJKLMNOPQRSTUVWXYZ  
abcdefghijklmnopqrstuvwxyz  
1234567890  
~!@#\$%^&\*()\_+`-={}|[]\:;';<>?,./  
- *Arial Bold Italic*

ABCDEFGHIJKLMNOPQRSTUVWXYZ  
abcdefghijklmnopqrstuvwxyz  
1234567890  
~!@#\$%^&\*()\_+`-={}|[]\:;';<>?,./  
- **Arial Black**

#### 4.3 Ruang Jelas Logo

Satu kawasan yang jelas di sekitar logo syarikat mesti digunakan untuk menghalang mana-mana gangguan visual. Ukuran ruang yang jelas adalah berkadar terus dengan saiz logo dan mesti 10% iaitu jika logo yang digunakan pada 30mm.





## CMYK SOLUTION

Lorem ipsum dolor sit amet, cons ectetuer adipiscing elit, sed diam nonummy nibh euismod tincidunt ut laoreet dolore magna aliquam erat volutpat. Ut wisi enim ad minim veniam, quis nostrud exerci tation ullamcorper suscipit lobortis nisl ut aliquip ex ea commodo consequat. Lorem ipsum dolor sit amet, consecetuer adipiscing elit, sed diam nonummy nibh euismod tincidunt ut laoreet dolore magna aliquam erat volutpat. Ut wisi enim ad minim veniam, quis nostrud exerci tation ullamcorper suscipit lobortis nisl ut aliquip ex ea commodo consequat. Duis autem vel eum iriure dolor in hendrerit in vulputate velit esse molestie consequat, vel illum dolore eu feugiat nulla facilisis at vero eros et accumsan et iusto odio dignissim qui blandit praesent luptatum zzril delenit augue duis dolore te feugait nulla facilisi.

Lorem ipsum dolor sit amet, consectetuer adipiscing elit, sed diam nonummy nibh euismod tincidunt ut laoreet dolore magna aliquam erat volutpat. Ut wisi enim ad minim veniam, quis nostrud exerci tation ullamcorper suscipit lobortis nisl ut aliquip ex ea commodo consequat. Duis autem vel eum iriure dolor in hendrerit in vulputate velit esse molestie consequat, vel illum dolore eu feugiat nulla facilisis at vero eros et accumsan et iusto odio dignissim qui blandit praesent luptatum zzril delenit augue duis dolore te feugait nulla facilisi.

Lorem ipsum dolor sit amet, cons ectetuer adipiscing elit, sed diam nonummy nibh euismod tincidunt ut laoreet dolore magna aliquam erat volutpat. Ut wisi enim ad minim veniam, quis nostrud exerci tation ullamcorper suscipit lobortis nisl ut aliquip ex ea commodo consequat.

Lorem ipsum dolor sit amet, consecetuer adipiscing elit, sed diam nonummy nibh euismod tincidunt ut laoreet dolore magna aliquam erat volutpat. Ut wisi enim ad minim veniam, quis nostrud exerci tation ullamcorper suscipit lobortis nisl ut aliquip ex ea commodo consequat. Duis autem vel eum iriure dolor in hendrerit in vulputate velit esse molestie consequat, vel illum dolore eu feugiat nulla facilisis at vero eros et accumsan et iusto odio dignissim qui blandit praesent luptatum zzril delenit augue duis dolore te feugait nulla facilisi.

#### 4.4 Kongfigurasi Logo

**TIDAK BOLEH** merubah LOGO TAIP yang ada pada logo yang mana akan mengubah rupa rekabentuk asal.

Rujuk Tajuk : 2.1



cmyk solution



**CMYK SOLUTION**



**CMYK SOLUTION**



**CMYK SOLUTION**



**TIDAK BOLEH** merubah WARNA atau KEDUDUKAN WARNA yang ada pada logo yang mana akan mengubah warna rekabentuk asal.

Rujuk Tajuk : 2.5



CMYK SOLUTION



CMYK SOLUTION



CMYK SOLUTION





CMYK SOLUTION






**TIDAK BOLEH** merubah WARNA LATARBELAKANG yang ada pada logo yang mana akan mengubah warna reka bentuk asal.

Rujuk Tajuk : 3.9



## 4.5 Kawalan Logo Pada Imej

Gambarajah berikut adalah cara yang terbaik mengawal penggunaan logo pada rekaletak yang menggunakan imej.





#### 4.6 Kawalan Logo Pada ‘Watermark’

Suatu tanda yang ada pada sesuatu rekaan khasnya kertas, yang mana menjadi tanda keselamatan pada setiap item syarikat yang dikeluarkan.






# Bahagian 5

## 5.1 Kad Perniagaan


Saiz : 5.5 cm x 9 cm



Skala : 100%

## 5.2 Kepala Surat

Saiz : 21 cm x 29.7 cm



## 5.3 Sampul Surat ( Biasa )


Saiz : 22.5 cm x 10.5 cm



Skala : 100%

## 5.3 Sampul Surat ( Tingkap )

Saiz : 22.5 cm x 10.5 cm



Skala : 100%

## 5.3 Sampul Surat ( Sulit )

Saiz : 22.5 cm x 10.5 cm



Skala : 100%

## 5.4 Resit ( Salinan Pelanggan )

Saiz : 18 cm x 10cm


|  |   |   |
|--|---|---|
| <br>CMYK<br>CMYK SOLUTION   | <p><i>Permintaan PELANGGAN<br/>adalah KEUTAMAAN kami.</i></p> <p><b>CMYK SOLUTION SDN. BHD.</b><br/>( 27824-A )<br/>Lot 2/1, Pusat Perdagangan Pontian,<br/>Jalan Delima , Pusat Perdagangan Pontian,<br/>82000 Pontian, Johor.</p> | <p><b>OFFICE RECEIPT</b></p> <p>HQ NO: <b>6497509</b></p> <p>DATE :</p> |
| <p><i>Received with thanks from _____</i><br/><i>the sum of Ringgit Malaysia _____</i></p> <p><i>Being payment of _____</i><br/>_____</p> <p>RM _____<br/>Cash/Cheque No _____</p> <p>This receipt is valid upon clearance of cheque _____</p> <p style="text-align: right;"><i>Signature By</i> _____</p> |   |   |
| <p>white : Customer Copy G      green : Accounts Copy      Blue : Book Copy</p>  |   |   |

## 5.4 Resit ( Salinan Pejabat & Buku Lejer )

|  |  |   |
|--|--|---|
| <br><b>CMYK SOLUTION</b>  | <p><i>Permintaan PELANGGAN adalah KEUTAMAAN kami.</i></p> <p><b>CMYK SOLUTION SDN. BHD.</b> ( 27824-A )</p> <p>Lot 2/1, Pusat Perdagangan Pontian,<br/>Jalan Delima , Pusat Perdagangan Pontian,<br/>82000 Pontian, Johor.</p> | <p><b>OFFICE RECEIPT</b></p> <p>HQ NO : <b>6497509</b></p> <p>DATE :</p>  |
| <p><i>Received with thanks from _____</i></p> <p><i>the sum of Ringgit Malaysia _____</i></p> <p><i>Being payment of _____</i></p> <p><u>RM _____</u><br/><i>Cash/Cheque No</i></p> <p>This receipt is valid upon clearance of cheque</p> <p>white : Customer Copy G      reen : Accounts Copy      Blue : Book Copy</p> |  | <p><b>OFFICE RECEIPT</b></p> <p>HQ NO : <b>6497509</b></p> <p>DATE :</p> <p>_____<br/>_____<br/>_____<br/>_____<br/>_____</p> |
|  |  | <p><b>CMYK SOLUTION SDN. BHD.</b></p> <p><i>Signature By</i></p> <p>_____<br/>_____<br/>_____<br/>_____<br/>_____</p>         |
| <p><u>RM _____</u><br/><i>Cash/Cheque No</i></p> <p>This receipt is valid upon clearance of cheque</p> <p>white : Customer Copy G      reen : Accounts Copy      Blue : Book Copy</p>  |  |   |

## 5.5 Memo Pad

Saiz : 10 cm x 10 cm



## 5.6 Lain-lain Barang

Barangan di atas merupakan item-item wajib yang perlu disediakan di dalam sesebuah manual ID. walau bagaimanapun terdapat banyak lagi item yang boleh di reka bagi memenuhi kehendak syarikat atau organisasi bagi melicinkan lagi pengurusan mereka.

### Senarai Lain-lain Item :

#### KEGUNAAN PEKERJA :

Tag Pekerja  
Baju Korporat  
Kemeja T Pekerja

#### PAPAN TANDA :

*'Signage'*  
*'Signboard'*  
*'Billboard'*

#### KENDERAAN SYARIKAT :

Kereta  
Van  
Lori

#### FORMAT PENGIKLANAN

Iklan Saiz A1, A2, A3, A4, A5  
*'Banner'*  
*'Bunting'*  
Poster

#### ITEM PROMOSI :

Iklan  
Poster  
Baju T  
Topi  
Laman Web  
Korporat Profail ( Kulit Buku )  
Payung  
Key Chain  
Cawan / Gelas  
*'Button Badge'*  
Kalender  
Bag Kertas

#### ANIMASI

Papan Cerita Logo Animasi  
*'Capture Animation'*

#### CORPORATE PERSENTATION SAIZ AO

#### PEMBUNGKUSAN :

Kotak Produk  
Label Produk

## **RUJUKAN**

1. Shirl Brainard, **A Design Manual ; 4th edition.** Publisher : Pearson Publications (April 9, 2005)
2. Paul Rand, **Design And Choas & Throughts On Design.** Publisher : Yale University Press (December 5, 2017)
3. David Airey, **Identity Designed : The Definitive Guide to Visual Branding.** Publisher : Rockport Publications (2019)
4. Jens Müller, **Logo Modernism.** Publisher : Taschen Publications (November 28, 2015)
5. Irene van Nes. **Dynamic Identities : How to Create a Living Brand.** Publisher : BIS Publications (2012)
6. Catharine Slade, **Brooking, Creating a Brand Identity : A Guide for Designers.** Publisher : Laurence King Publications (2016)
7. Alina Wheeler, **Designing Brand Identity : An Essential Guide for the Whole Branding Team 5th Edition.** Publisher : Skyhorse Publications (2017)
8. Beth Tondreau, **Layout Essentials : 100 Design Principles for Using Grids.** Publisher : Rockport Publications (2011)
9. George Lois, **LOIS Logos : How to Brand with Big Idea Logos.** Publisher : BIS Publications (2015)
10. James Craig, **Designing with Type: The Essential Guide to Typography. , 5th Edition.** Publisher : Guptil Publications (May 16, 2012)



## BIOGRAFI PENULIS

Nama : Azman Bin Aziz  
Lulusan : Bach. Of Art & Design ( Graphic ) UiTM  
          Bach. Of Art & Design ( Hons. ) ( Graphic ) UiTM  
          Diploma Pendidikan ( Pengajian Teknologi Seni Gunaan ) MPBP  
Jawatan : Pensyarah ( PPPT – DH44 )  
Alamat : Jabatan Rekabentuk & Komunikasi Visual,  
          Politeknik Ibrahim Sultan,  
          Km. 10 Jalan Kong Kong,  
          81700 Pasir Gudang,  
          Johor Darul Ta'zim.  
E-Mail : azmanaziz76@gmail.com  
          azman@pis.edu.my



